



## Memupuk Perpaduan Kaum di Sekolah

Perpaduan sangat penting untuk mengekalkan keharmonian rakyat dan keamanan negara. Perpaduan perlu dipupuk sejak bangku sekolah lagi.

Aktiviti di dalam kelas seperti perbincangan kumpulan dapat menyemai nilai perpaduan dalam jiwa murid yang masih mentah. Guru mesti memastikan setiap kumpulan dianggotai oleh murid berbilang kaum. Pelibatan aktif setiap murid dalam aktiviti berkumpulan ini sangat dituntut.

Sebenarnya, pihak sekolah telah pun merancang aktiviti dalam program Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP). RIMUP bertujuan untuk mengeratkan perpaduan antara murid pelbagai kaum. Antara aktivitinya termasuklah perkhemahan integrasi dan kejohanan sukan perpaduan.

Aktiviti kokurikulum di sekolah juga dapat memupuk semangat perpaduan. Oleh itu, pihak sekolah perlu memastikan pelibatan murid berbilang kaum dalam aktiviti kelab, persatuan dan badan beruniform. Aktiviti kokurikulum dapat melahirkan murid yang berketerampilan dalam pergaulan.

Kesimpulannya, pelbagai aktiviti boleh dilaksanakan di sekolah dalam usaha memupuk perpaduan dalam kalangan murid. Sekolah mestilah menjadi asas kepada pembentukan masyarakat yang cinta akan keharmonian negara.

### Aktiviti Kokurikulum

Dapat memupuk  
semangat perpaduan  
dan dapat melahirkan  
murid yang  
berketerampilan

Ahli kumpulan  
bekerjasama untuk  
menyiapkan  
tugasan

Ahli kumpulan mestilah  
bekerjasama supaya  
tugasan yang dilakukan  
dapat disiapkan dengan  
berkualiti.



Memberi peluang murid berbilang kaum beramah mesra dan mengeratkan sefahaman serta saling menghormati ketika menjalankan aktiviti.

Murid mestilah melibatkan diri dengan aktiviti kokurikulum kerana dapat menjalinkan perpaduan.

Dapat memberi murid pelbagai kaum peluang untuk mengeratkan silahturahim dan saling menghormati

**Maklumat Tersurat**

**Maklumat Tersirat**

**Respons**

**Tugasan Kumpulan**

**Program RIMUP**